

13/06/2001

Barat guna globalisasi untuk perluas pengaruh

GAGASAN globalisasi yang diperkenalkan negara Barat bermotifkan serampang berseligi yang menggugat dunia. Sebagaimana dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa gagasan globalisasi turut digunakan untuk mempengaruhi budaya rakyat dunia, sememangnya sudah pun terserlah. Rakyat di sesebuah negara terpaksa tunduk kepada `kuasa' yang dicipta di negara-negara Barat atas nama globalisasi. Matlamatnya adalah untuk melemahkan nilai rakyat supaya akur kepada amalan mereka walaupun yang buruk untuk dijadikan sebagai amalan harian. Mereka tahu bahawa kekuatan sesebuah bangsa dan negara terletak kepada nilai murni dan budaya selain agama. Jika ini dapat ditembusi, jalan untuk menakluki tentunya menjadi mudah. Negara-negara yang masih sedar dan mahu mempertahankan nilai dan budaya masing-masing terpaksa berhempas pulas untuk memperkukuhkan benteng kekuatan mereka bagi mengelakkan diri daripada ditembusi budaya baru yang boleh mencemar maruah bangsa dan agama mereka.

Atas nama globalisasi, negara kuasa besar memperalatkan kekuatan ekonomi. Negara yang ingkar dengan arahan mereka akan ditindas dengan kuasa perdagangan menerusi sekatan yang dikenakan. Mereka membuat ugutan tanpa sedikit pun menyimpan perasaan simpati. Ugutan juga sudah tidak ada batasannya sebagaimana juga mereka menggembar-gemburkan bahawa dunia tidak ada sempadan. Ugutan dibuat setiap masa, walaupun tidak ada sebab mereka berbuat demikian.

Pemikiran rakyat dipengaruhi dengan budaya popular yang mereka agung-agungkan. Pemikiran rakyat di sesetengah negara dicemari dengan tindakan buruk yang tidak pernah mereka fikirkan selama ini. Lihat sajalah di sekeliling rantau ini bahawa budaya demonstrasi disuburkan seolah-olah ia menjadi satu budaya suci. Semua ini adalah pengaruh yang mereka amalkan sejak sekian lama. Tuntutan hak asasi dilaung-laungkan seolah-olah ia satu perjuangan manusia sedangkan matlamat mereka ialah untuk mengucar-kacirkan sesebuah kerajaan.

Bagi mereka yang tidak cenderung kepada sikap agresif berarak di tepi jalan, golongan ini dipengaruhi pula dengan unsur negatif untuk meruntuhkan moral mereka. Maka, berlakulah budaya yang menghalalkan perbuatan terkutuk. Sebagai contoh, homoseksual sudah tidak dianggap sebagai satu perbuatan yang keji. Disebabkan amalan itu dibenarkan berleluasa tanpa dihindari di negara mereka, budaya yang sama cuba disemarakkan di serata dunia. Soal halal dan haram tidak diberi penekanan tetapi pemikiran manusia dialihkan, seolah-olah ia adalah hak asasi manusia yang membenarkan apa saja dilakukan atas nama kebebasan. Di kalangan wanita pula, kehidupan sejenis (lesbian) menjadi kebanggaan pula. Kehidupan wanita demikian dan seks bebas ditonjolkan menerusi pelbagai cara, sama ada filem, maklumat dan gambar menerusi Internet dan cakera padat yang boleh didapati di pasar malam. Teknologi menyebabkan bahan yang meruntuhkan moral ini bukan saja mudah diperolehi, malah murah.

Banyak berita keji yang kita dengar berlaku di negara ini hari ini adalah kesan pengaruh buruk ini. Berlakunya sumbang muhrim atau adik beradik melakukan perbuatan yang tidak pernah difikirkan sebelum ini, adalah suatu unsur budaya iblis yang jelas dipelopori di banyak kalangan negara Barat yang mahu menjadikan globalisasi sebagai gagasan bertindak mereka.

(END)